



# KOPERASI KAKITANGAN BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD

No. 12A, Jalan TTDI Groves 1/2, Taman TTDI, 43000 Kajang Selangor Darul Ehsan.

No. Tel: 87332705/87332597/87337940/87414933

Email: [admin@koopbpm.com.my](mailto:admin@koopbpm.com.my)

No., Pendaftaran: 1981, No. GST: 000805847040

**NO. FAIL: KoBPM/PETD/6/PPSK/2016**

**Tarikh: 30 November 2016.**

Semua Anggota-Anggota  
Koperasi Kakitangan Kakitangan BPM Berhad

Tuan/Puan,

## SUMBANGAN PERSEKOLAHAN (RM30.00) BAGI TAHUN 2017.

Perkara di atas adalah dirujuk


Sukacita dimaklumkan seperti kelaziman di tahun-tahun sebelum ini Koperasi akan memberikan sumbangan persekolahan (RM30.00) kepada anak-anak anggota. Untuk makluman tuan/puan, bagi suami isteri yang bertugas di Agrobank, hanya salah seorang samada suami atau isteri sahaja yang boleh memohon sumbangan ini bagi anak yang sama.

Di sini diminta kerjasama tuan/puan bagi menghantar sijil kelahiran anak anggota yang akan memasuki Tahun Satu pada tahun 2017 bagi melayakkan untuk menerima sumbangan ini. Tuan/puan tidak perlu menghantar sijil kelahiran bagi anak-anak yang terdahulu kerana ianya masih dalam simpanan Koperasi sehingga anak-anak ini bersekolah di Tingkatan 5 (kelayakan sumbangan persekolahan ini akan dibayar kepada anak-anak yang bersekolah sehingga di Tingkatan 5 sahaja).

Tuan/puan hendaklah menghantar sijil kelahiran ini melalui email (seperti alamat email yang tertera di atas) atau pos kepada Koperasi selewat-lewatnya pada **31 Disember 2016**. Bayaran akan dibuat secepat mungkin. Pihak Koperasi tidak akan menerima sekiranya tuan/puan lewat menghantar sijil kelahiran anak anggota pada tarikh yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar  
KOPERASI KAKITANGAN BPM BERHAD

  
(ZULKIEFL MAHMOOD)  
Pengurus Besar

s.k. Pengerusi  
Jawatankuasa Kebajikan dan Pelajaran